

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

Bajet: PM tertarik cadangan rakyat

um - 11/9/2016

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tertarik dengan cadangan Suhaili Samsuri bagi Bajet 2017 yang meminta kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan dialisis di kawasan luar bandar.

“Saya percaya ada banyak lagi cadangan bernas rakyat Malaysia seperti ini yang boleh membantu penyediaan Bajet 2017. Kongsi dengan saya di <https://bajet2017.najibrazak.com>,” katanya dalam catatan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Dalam laman web tersebut, Suhaili mencadangkan lebih banyak kemudahan dialisis disediakan di hospital dan klinik

kerajaan di kawasan luar bandar.

Menurutnya, kemudahan itu sangat penting kerana penduduk luar bandar menghadapi kesukaran untuk berulang alik ke bandar atau pekan bagi mendapatkan rawatan.

“Kos rawatan juga agak mahal, mohon dipertimbangkan,” katanya.

Sementara itu, Fazilah Sulaiman mencadangkan supaya caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang tidak dituntut diubah menjadi skim insurans perubatan.

“Walaupun sudah bersara, kami masih menerima manfaatnya,” jelasnya.

Dalam pada itu, Yap Hoong Kwan berharap agar kerajaan meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan kesihatan pada harga murah dan berkualiti.

Dia berkata, bapanya hanya dikenakan caj sebanyak RM100 bagi kos pembedahan kanser kolon di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar sedangkan hospital swasta mengenakan caj lebih RM4,000 bagi rawatan sama.

“Kami sangat berpuas hati dengan rawatan dan penjagaan yang diberikan oleh pihak hospital, lebih-lebih lagi rawatan susulan di hospital dan Klinik 1Malaysia yang semuanya percuma,” katanya.